

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI
SHIEN [JULAU]**

SOALAN NO. 238

Minta **MENTERI** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk menambah fasiliti dialisis di kawasan Parlimen Julau.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Data Preliminary Report Malaysian Dialysis and Transplant Registry 2016 menunjukkan bahawa pada tahun 2016 terdapat 26 buah pusat hemodialisis awam, 13 buah pusat hemodialisis swasta dan 7 buah pusat hemodialisis NGO di Negeri Sarawak. Pada tahun 2016 terdapat sejumlah 2,679 orang pesakit yang menjalani rawatan dialisis di Negeri Sarawak di mana 2,477 orang pesakit menjalani rawatan hemodialisis dan 202 orang pesakit menjalani rawatan *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis* (CAPD).

Daripada jumlah ini, 47% menerima rawatan di pusat awam, 23% di pusat swasta dan 30% di pusat NGO. *Registry* tersebut hanya mengumpul data keseluruhan Negeri Sarawak dan tiada data mengikut pecahan lokasi.

Bagi kawasan Parlimen Julau, pesakit menerima perkhidmatan dialisis di Hospital Sarikei (66 km), Hospital Kanowit (39 km) dan Hospital Sibul (60 km). Tempoh masa perjalanan adalah dalam anggaran 30 hingga 45 minit ke Hospital Kanowit atau Hospital Sibul dan 1 jam ke Hospital Sarikei. Buat masa ini, tiga (3) buah hospital tersebut mampu menampung pesakit yang memerlukan dialisis dari kawasan Parlimen

NO SOALAN : 238

Julau. Pada masa kini, pesakit dari kawasan Parlimen Julau yang menerima perkhidmatan dialisis di Hospital Kanowit adalah seramai 6 orang pesakit, Hospital Sibu 8 orang pesakit dan Hospital Sarikei 9 orang pesakit.

Dengan pertambahan pesakit yang memerlukan rawatan dialisis di seluruh negara yang semakin meningkat, KKM sedang berusaha memperluaskan kaedah rawatan *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis* (CAPD). Kaedah rawatan CAPD dapat dilakukan di rumah oleh pesakit sendiri dan dapat mengurangkan keperluan kemudahan hemodialisis.

Sekian, terima kasih.